

TEMPLAT POLISI PEMBERI MAKLUMAT

PENGENALAN

Terangkan pengenalan dan keperluan polisi disediakan

- Takrifan polisi Pemberi Maklumat
- Kaitan polisi dengan peruntukan undang-undang berkaitan contohnya Akta Syarikat Malaysia 2016, Akta Perlindungan Pemberi Maklumat
- Polisi adalah sebagai panduan kepada pemegang taruh luar dan dalam syarikat contohnya kakitangan, pembekal, anak syarikat dll

TERMA DAN DEFINISI

Jelaskan sebarang akronim, istilah dan terma yang berkaitan

TERMA	DEFINISI
Agensi Penguatkuasaan	Agensi-agensi kerajaan yang bertanggungjawab untuk menguatkuasakan undang-undang. Misalnya: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan lain-lain agensi berkaitan
Kelakuan Tidak Wajar	Sebarang kelakuan, jika dibuktikan, merupakan kesalahan tatatertib (rujuk tafsiran 'kesalahan tatatertib' di bawah Seksyen 2, Akta 711) atau kesalahan jenayah
Pemberi Maklumat	Mana-mana orang yang membuat pendedahan kelakuan tidak wajar kepada agensi penguatkuasaan termasuk warga (nama syarikat)
Pemberian Maklumat	Pendedahan kelakuan tidak wajar kepada agensi penguatkuasaan
Akta SPRM	Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009
Pemilik Polisi	Bahagian/ Unit yang empunya polisi ini. (Nyatakan Bahagian/ Unit secara spesifik)

PERNYATAAN POLISI

Terangkan komitmen syarikat dalam memerangi rasuah

(Nama syarikat) komited untuk menjalankan perniagaan berurusan dengan integriti. Ini bermaksud mengelakkan amalan rasuah dan rasuah dalam semua bentuk dalam operasi harian Syarikat. (Nama syarikat) telah menggunakan pendekatan toleransi sifar terhadap semua bentuk rasuah. Pekerja yang enggan membayar rasuah atau mengambil bahagian dalam tindakan rasuah tidak akan dihukum walaupun penolakan tersebut boleh menyebabkan perniagaan hilang. Dasar ini menggunakan nilai dan prinsip teras yang dinyatakan dalam Kod Etika Perniagaan. Pematuhan sepenuhnya terhadap semangat dan surat Dasar ini adalah wajib dan harus dikekalkan dengan menggunakan pendekatan berasaskan prinsip.

MATLAMAT POLISI

Terangkan matlamat polisi

- Menggalakkan pendedahan salah laku tanpa rasa takut
- Menyediakan saluran aduan rasmi
- Memastikan setiap aduan yang berasas, diambil tindakan sewajarnya
- Memastikan pihak yang mengadu mendapat maklumbalas mengenai kebimbangan yang diketengahkan dan tahu bagaimana hendak menyatakan kebimbangan sekiranya tidak berpuashati dengan maklumbalas yang diberi
- Menyatakan bagaimana syarikat akan menangani dan bertindak balas terhadap pendedahan
- Menyatakan senarai kesalahan-kesalahan salah laku contohnya rasuah dan penyelewengan, pecah amanah jenayah, kelakuan tidak beretika dan tidak senonoh, penyalahgunaan kedudukan untuk sesuatu yang tidak dibenarkan atau untuk keuntungan peribadi atau pihak kepentingan

SKOP

Terangkan untuk perkara apa dan kepada siapa polisi ini terpakai

Polisi ini terpakai kepada semua warga kerja Syarikat induk, Syarikat kumpulan (termasuk anak syarikat di seluruh dunia, anak syarikat di mana syarikat induk memegang kepentingan kawalan dan mempunyai pegangan pengurusan (Management Control). Polisi ini juga boleh dijadikan panduan rakan niaga / pemegang taruh atau man-mana individu / organisasi ketika berurusan dengan warga(nama organisasi)

TATACARA MENGEMUKAKAN PENDEDAHAN KELAKUAN TIDAK WAJAR (KTW)

Terangkan kaedah dan saluran untuk mengemukakan kebimbangan

Seseorang hendaklah membuat pendedahan kepada Pegawai Atasan atau Ketua Jabatan secara:

- Bertulis
- Emel
- Atas talian

PERLINDUNGAN DAN KERAHSIAAN PEMBERI MAKLUMAT

Terangkan perlindungan dan kerahsiaan terhadap pemberi maklumat

- Perlindungan ke atas pemberi maklumat meliputi perlindungan daripada tindakan yang boleh memudaratkan, tindakan tatatertib dan tindakan balas terhadap pihak ketiga (sekiranya pemberi maklumat adalah pihak ketiga)
- Setiap pendedahan akan dirahsiakan identiti pada setiap kakitangan atau pihak berkepentingan
- Tetapi ada kalanya identiti pihak yang memberi maklumat terpaksa didedahkan apabila diperlukan sebagai saksi
- Sekiranya pemberi maklumat dengan rela hatinya sanggup memberi keterangan di mahkamah dan menjadi saksi maka identitinya tidak boleh dirahsiakan. Beliau boleh diberi perlindungan di bawah Akta Perlindungan Saksi 2009.

PENGECUALIAN

Terangkan pengecualian terhadap pemakaian polisi

- Sekiranya ada percanggahan di antara Polisi dan Undang-Undang yang berkaitan, Syarikat akan menggunakan Undang-Undang tersebut
- Sekiranya ada percanggahan di antara Polisi Kumpulan dan Polisi anak syarikat, Polisi Kumpulan akan diutamakan.

POLISI DAN RUJUKAN BERKAITAN

Senaraikan polisi dan rujukan lain yang relevan dengan polisi

- Sistem Pengurusan Anti Rasuah ISO 37001: 2016
- Had Kuasa
- Kod Etika Perniagaan
- Manual Komunikasi Korporat
- Buku Panduan Pekerja
- Dasar Hadiah, Keraian dan Hospitaliti
- Dasar Pemberi Maklumat

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

Senaraikan jawatan dan pegawai yang bertanggungjawab terhadap polisi.

PERANAN	TANGGUNGJAWAB
Pemilik Polisi (Nyatakan Nama Unit/ Seksyen/ Bahagian pemilik polisi)	Bertanggungjawab memastikan bahawa Polisi Pemberi Maklumat ini dikaji semula dan dikemaskini agar tetap relevan dan sekiranya terdapat perubahan dalam mana-mana undang-undang, kod atau peraturan yang berkaitan dengan polisi ini, atau sekurang-kurangnya sekali dalam setiap 2 tahun. Harus memastikan Polisi yang diluluskan, disebar/dihebah kepada semua Kumpulan Syarikat/ anak Syarikat di semua peringkat agar informasi mengenai Polisi ini diketahui oleh semua peringkat.

	Jika terdapat keperluan untuk menerbitkan Polisi ini bagi kegunaan awam/luaran, Pemilik Polisi hendaklah memberikan pernyataan Polisi yang merupakan ringkasan kandungan Polisi kepada Unit yang berkaitan (sebagai contoh, Unit Pengurusan Korporat, Unit Integriti dll) untuk sebarang komunikasi luaran.
--	---

LAMPIRAN:

1. Carta Alir Proses Pemberian Maklumat
2. Borang Laporan Pemberi Maklumat